

PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

RUMUSAN AUDIT

"Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) membantu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam membuat ramalan dan hebahan berkenaan banjir. Pengurusan PRAB dari aspek pencapaian output untuk pembinaan infrastruktur adalah baik. Namun, pencapaian output dari segi penyampaian perkhidmatan objektif program adalah **kurang memuaskan** dari segi mengeluarkan amaran dan hebahan banjir dua hari lebih awal serta meningkatkan ketepatan amaran dan kejadian sebenar kepada kurang 0.5 meter".

❖ LATAR BELAKANG

- ❑ Menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam bagi meminimumkan impak sosial dan ekonomi disebabkan oleh banjir

Fasa 1

RM145 juta - 3 Lembangan Sungai

Komponen Utama PRAB

Pengesanan, Pangkalan Data, Ramalan dan Amaran Banjir

A. PENCAPAIAN OUTPUT

- ❑ **Infrastruktur**
 - 10 **stesen yang dirancang untuk dinaiktaraf dan dibina baharu tidak dilaksanakan**
 - 13 **peralatan hidrologi bernilai RM0.77 juta tidak dipasang**
- ❑ **Prestasi sistem**
 - 7 ramalan kejadian banjir monsun **tidak dikeluarkan 7 hari lebih awal**
 - 51 **amaran dikeluarkan kurang daripada 2 hari** sebelum tarikh banjir diramalkan
 - Berdasarkan Laporan Monsun Timur Laut (MTL), 28 hebahan menunjukkan **perbezaan melebihi 0.5 meter antara ramalan dan nilai kejadian sebenar**

B. PENCAPAIAN KEBERHASILAN

- ❑ Masih **belum boleh diukur kerana Program PRAB masih dalam tempoh pelaksanaan sehingga tahun 2030**

C. PENGURUSAN PRAB

- ❑ **Pembinaan Stesen**
 - **Pelaksanaan projek melebihi tempoh kontrak** di Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang antara 1,829 hingga 1,836 hari
 - 10 **stesen yang dibina baharu telah ditutup**
- ❑ **Data Remote Terminal Unit dan Gateway**
 - **Data sukat kelembapan tanah dan sukat sejatan air belum diambil kira dalam model ramalan banjir** melibatkan 15 peralatan dengan kos RM390,000
 - Data bagi **118 peralatan tidak diterima di gateway selama 3 bulan** berturut-turut melibatkan kos peralatan berjumlah RM110,570
- ❑ **Paparan data di PIB**
 - 46.5% data sukat air hujan dan 58.7% data aras air sungai bukan dari RTU PRAB
- ❑ **Bilangan data tiada dalam model ramalan**
 - Melibatkan; Kelantan - 8,166 data, Terengganu - 2,030 data dan Pahang - 4,964 data
- ❑ **Ramalan, Amaran dan Hebahan**
 - 306 kawasan **tidak menepati ramalan**
 - 183 kawasan **telah mengalami banjir tetapi buletin amaran banjir tidak dikeluarkan**
- ❑ **Penyenggaraan Pencegahan**
 - **Penyenggaraan bagi 335 stesen dibuat melebihi masa dua bulan**
 - 20 **stesen tidak pernah dibuat penyenggaraan**
 - **Penyenggaraan pencegahan tidak pernah dilaksanakan di 204 stesen oleh JPS Negeri selepas tamat tempoh jaminan**

4 SYOR
AUDIT